



SIARAN MEDIA / MEDIA RELEASE

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

LEBIH 1,300 PENIAGA TELAH MEMANFAATKAN PERKHIDMATAN KAUNTER PERTANYAAN SST YANG DIANJURKAN OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DENGAN KERJASAMA JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA DI KOMPLEKS KASTAM WILAYAH PERSEKUTUAN, KELANA JAYA.

Kaunter pertanyaan SST yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia ("JKDM") di Kompleks Kastam Wilayah Persekutuan, Kelana Jaya yang dilaksanakan sejak hari Selasa yang lepas telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari kalangan peniaga. Terdapat lebih daripada 1,300 peniaga yang telah mengunjungi 10 kiosk and 12 Kaunter Pertanyaan SST yang beroperasi di dalam tempoh 4 hari tersebut pada pukul 9 pagi hingga 1 petang.

Dua pegawai khas dari Pejabat Menteri Kewangan bersama dengan pegawai Kastam telah berjaya menangani sebahagian besar daripada aduan, masalah dan pertanyaan berkenaan dengan pelaksanaan SST dan perkara yang melibatkan dasar SST yang tidak dapat diselesaikan di peringkat Kastam telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan selanjutnya. Memandangkan perkhidmatan tersebut telah mendapat sambutan yang begitu hangat daripada kalangan peniaga maka operasi kaunter pertanyaan SST yang sedemikian akan diteruskan untuk minggu ini dan selepasnya, sehingga segala kekeliruan tentang pelaksanaan SST dapat dikurangkan kepada tahap yang memuaskan.

Kementerian Kewangan dan JKDM amat menghargai sebarang maklum balas yang diterima dari pelbagai sektor perdagangan dan industri supaya kerja penambahbaikan ke atas peraturan dan panduan SST dapat dilaksanakan. Susulan daripada maklum balas yang diterima, Kementerian Kewangan telah menurunkan kadar cukai jualan terutamanya bagi setengah barangan yang digunakan oleh golongan yang kurang berkemampuan. Kementerian Kewangan bersama JKDM telah memutuskan untuk mengurangkan cukai jualan SST bagi alat penyapu lantai daripada 10% kepada 5%. Ini adalah lebih rendah daripada kadar GST 6% sebelum ini.

Kementerian Kewangan berharap peniaga tidak akan mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barangan semata mata kerana SST sebab peniaga mesti ketahui bahawa SST adalah cukai seperingkat di mana cukai jualan hanya dikenakan sekali sahaja ke atas harga pengimportan atau pengilang. Manakala GST adalah cukai berperingkat dan cukai yang pengguna kena bayar adalah berdasarkan kepada harga

peruncit (retail price) yang jauh lebih tinggi daripada harga pengimportan atau pengilang yang membayar SST.

Beberapa penambahbaikan akan dijalankan oleh Jabatan Kastam dalam bulan ini agar dapat memudahkan peniaga dan memastikan SST tidak akan meningkatkan kos yang akhirnya akan ditanggung oleh pengguna. Perlu diingatkan bahawa Kerajaan hanya dijangka mengutip RM21 bilion daripada SST berbanding dengan RM44 bilion di bawah GST bagi 2019. Rakyat seharusnya menerima manfaat pengurangan kutipan cukai sebanyak RM23 bilion ini.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
8 Oktober 2018